

PROGRAM 'OUTREACH' PELAJAR MELALUI KAUNSELOR KAWASAN UTARA - FASA 1 MENDAPAT SAMBUTAN

18&19 April 2007

Pada 18 dan 19 April 2007 yang lalu, Universiti Malaysia Perlis telah menganjurkan Program 'Outreach' Pelajar Melalui Kaunselor Kawasan Utara - Fasa 1. Program yang pertama kali diadakan pada tahun ini mendapat sambutan yang agak menggalakkan apabila 151 orang guru kaunselor daripada 200 orang yang dijemput, hadir memberi sokongan dan menerima manfaat daripada semua aktiviti yang telah dianjurkan.

Objektif utama program seperti ini diadakan adalah untuk:-

- o Merapatkan silaturrahim di antara UniMAP dengan kaunselor-kaunselor seluruh kawasan utara
- o Menjadikan kaunselor sebagai salah satu sumber pengantaraan di antara UniMAP dengan pelajar sekolah bagi menyampaikan maklumat terkini mengenai program-program yang ditawarkan di UniMAP di samping memberi pendedahan mengenai cara pengambilan pelajar ke IPTA
- o Memberi pendedahan dan pengalaman merasai sendiri kepada kaunselor yang hadir mengenai segala kemudahan yang ditawarkan di UniMAP termasuk makmal-makmal yang canggih dan kolej kediaman yang selesa

Peserta yang hadir adalah daripada tiga buah negeri di kawasan utara iaitu negeri Perlis sendiri, Kedah dan juga Pulau Pinang. Pihak UniMAP telah menyediakan kemudahan pengangkutan untuk semua negeri-negeri yang terlibat di pejabat Jabatan Pelajaran Negeri negeri masing-masing. Mereka semua tiba di Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu, Bintong pada 18 April 2007. Kehadiran mereka disambut mesra, dimulai dengan sesi pendaftaran dan seurus selepas menikmati makan tengahari, mereka terus dibawa ke makmal-makmal untuk



aktiviti lawatan. Pada sebelah malamnya pula, mereka semua diraikan dengan jamuan 'Makan Malam Bersama Naib Canselor UniMAP'.

Pada 19 April 2007 pula, mereka telah dihidangkan dengan ceramah-ceramah mengenai 'Proses Kemasukan Pelajar ke IPTA' yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Ku Halim Ku Ariffin. Seterusnya, Prof. Madya Dr. R. Badlishah Ahmad pula telah menyampaikan ceramahnya yang bertajuk 'Program-Program yang Ditawarkan di UniMAP'. Seurus selepas itu, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP telah sudi untuk turut memberi penerangan ringkas mengenai UniMAP dan kejayaan-kejayaan yang telah dikecapi selama ini. Kesemua kaunselor yang hadir nampaknya berpuas hati dengan program ini. Walaupun masa yang diperuntukkan agak singkat, namun, segala yang diperlukan untuk disampaikan kepada para pelajar mereka telahpun dilaksanakan. Pihak UniMAP sentiasa akan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi mengendalikan program seperti ini kelak. Semoga segala ilmu yang diperolehi dapat dikongsi bersama dengan anak-anak buah masing-masing bagi mereka membuat pilihan yang terbaik. Jika kejuruteraan, sudah tentulah di UniMAP!